



# PUSTAKA MIRI NOTIS IKLAN

Tarikh Iklan : 21 Oktober 2013

## **PERKARA : MENGOPERASI KIOSK MAKANAN, PUSTAKA MIRI**

Tawaran adalah terbuka kepada warga Miri yang berminat untuk mengoperasikan Kiosk Makanan Pustaka Miri. **Harga simpanan (reserved price) bagi kadar sewa kiosk ialah RM800.00 sebulan.** Bil elektrik adalah di bawah tanggungan Pustaka Miri.

### **1. Syarat-syarat permohonan :**

- 1.1 Pemohon hendaklah mempunyai Sijil Daftar Perniagaan dan sijil-sijil berkaitan yang sah.
- 1.2 Kelebihan adalah diberi kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam pembekalan dan penyediaan makanan **HALAL**.
- 1.3 Makanan yang dijual hendaklah **HALAL**.
- 1.4 Tidak dibenarkan melakukan sebarang aktiviti masak memasak di dalam dan di luar Kiosk. Makanan yang dijual adalah yang sudah dimasak atau dipanaskan dan makanan ringan.
- 1.5 Memastikan kiosk dan kawasan sekitarnya sentiasa bersih pada setiap masa.

### **2. Waktu Operasi :**

- \* Isnin – Ahad - 8:00 pagi hingga 7:00 malam
- \* Cuti Umum - Ditutup / Bergantung kepada keperluan penyewa

### **3. Cara-cara memohon :**

- 3.1 Menulis surat permohonan kepada :

**Pengurus Wilayah  
Pustaka Miri  
Jalan Kipas, Miri City Fan  
98000 Miri, Sarawak**

- 3.2 Surat permohonan hendaklah menyatakan **kadar sewa yang ditawarkan oleh pemohon** dengan berdasarkan kepada **harga simpanan** sebanyak **RM800.00 sebulan.**

- 3.3 Surat permohonan hendaklah disertakan dengan senarai cadangan makanan dan minuman untuk dijual dan disertakan dengan harga. (***Borang Jadual Sebutharga Makanan dan Minuman boleh didapati di Unit Pengurusan Bangunan, Aras 1, Pustaka Miri***).
- 3.4 Surat permohonan juga hendaklah disertakan dengan sijil / lesen perniagaan berdaftar yang sah, profil syarikat dan sijil-sijil kursus berkaitan (sekiranya ada).

#### **4. Kriteria Pemilihan Permohonan :**

- 4.1 Pemilihan permohonan adalah berdasarkan kepada **kadar sewa yang ditawarkan oleh pemohon** kepada pihak Pustaka Miri berdasarkan **harga simpanan** yang telah ditetapkan seperti di atas.
- 4.2 Pustaka Miri tidak terikat untuk menerima sebutharga yang tertinggi atau mana-mana sebutharga.
- 4.3 Pemilihan permohonan juga adalah berdasarkan kepada sebutharga untuk cadangan makanan dan minuman yang hendak dijual di kiosk.

#### **Tarikh Tutup Permohonan :**

Tarikh akhir menghantar surat permohonan ialah pada **Khamis, 31 Oktober 2013, 12:00 tengahari**.

**\* Untuk keterangan lanjut mengenai iklan ini sila hubungi :**

En. Abdul Aziz Bin Hj. Bujang - Tel : 085-422525

***Daripada : Pihak Pengurusan, Pustaka Miri***